

# KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 23 DISEMBER 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 6

## Harga telur ayam import 50 sen sebiji dapat permintaan

### Harga telur ayam import 50 sen sebiji dapat permintaan

**Kuala Lumpur:** Telur ayam yang diimport dari India untuk memenuhi keperluan pengguna negara ini, dijual pada harga 50 sen sebiji, lebih mahal daripada telur Gred A, walaupun saiznya kecil daripada Gred C tempatan.

Ketika ini, telur Gred C tempatan dijual pada harga 41 sen sebiji, manakala Gred A pula adalah 45 sen sebiji.

Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Berhad (Mydin), Datuk Ameer Ali Mydin, mengakui harga telur import itu lebih mahal, namun ia masih mendapat permintaan pengguna.

"Walaupun saiz telur import itu lebih kecil daripada Gred C, manakala harganya lebih mahal daripada Gred A, namun sekarang kurangnya kita ada bekalan itu, terutama ia sumber protein paling murah boleh didapati.

"Kebanyakan makanan di negara ini memerlukan telur, disebabkan itu ia tetap ada pembeli, walaupun harganya sebegitu," katanya kepada *BH*, semalam.

Sebelum ini, Perdana Menteri memaklumkan kerajaan akan mengimport sekurang-kurangnya dua hingga 10 juta biji telur sehari untuk menampung keperluan dan permintaan pasaran tempatan, selain bagi tujuan mengawal harganya.

Datuk Seri Anwar Ibrahim dilaporkan berkata, import telur itu sudah bermula sejak 15 Disember lalu dengan permulaan kemasukan 100,000 biji telur.

Sementara itu, mengulas lanjut mengenai telur ayam import yang diterima oleh pasar raya Mydin, Ameer berkata, ketika ini bekalan diperoleh mereka hanya cukup untuk dijual menerusi cawangan Subang Jaya.

"Telur ayam import itu diterima dan setakat ini dianggarkan jumlah itu cukup menampung bekalan antara dua hingga tiga hari di cawangan Subang Jaya.

"Minggu depan akan masuk lagi bekalamnya dan akan diagihkan kepada semua cawangan Mydin di negara ini," katanya.

Dalam pada itu, Ameer berharap selepas telur ayam kembali stabil, kerajaan membiarkan ia dijual pada harga pasaran, tidak meletakkannya di bawah harga kawalan.

Katanya, kerajaan tidak perlu takut kenaikan harga telur ayam kerana mengikut perkiraan ia hanya akan meningkat sekitar lima hingga tujuh sen sahaja.

Malah katanya, tindakan itu juga dapat mengelakkan pembekal 'main harga' dengan mengenakan caj tambahan kepada perkara lain.